

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD
[KANGAR]**

TARIKH : 5 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bagaimanakah kursus-kursus yang bersifat praktikal atau kerja di lapangan dijalankan sejak Mac 2020. Apakah mahasiswa yang mengambil bidang-bidang ini akan diberi kelas intensif tambahan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Tahun 2020 dan 2021 merupakan tahun yang mencabar dalam semua sektor termasuklah sektor pengajian tinggi. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mengakibatkan hampir semua aktiviti sosial dan fizikal tergendala serta turut memberikan impak besar ke atas kursus Latihan Industri (LI) bagi pelajar-pelajar di Institut Pendidikan Tinggi (IPT). PKP yang berpanjangan juga telah membataskan keupayaan pelajar untuk menjalani LI secara fizikal di lokasi mereka ditempatkan.

Menyedari hakikat ini, pihak IPT telah bersinergi dengan pelbagai rakan kolaborasi industri bagi memastikan penempatan LI berjalan lancar. Sekiranya pelajar tidak dapat meneruskan LI yang asal akibat penutupan industri tertentu, maka pelajar dibenarkan menukar industri serta menyambung latihan untuk tempoh yang masih berbaki.

SOALAN NO: 58

Walaupun bagaimanapun, sekiranya pelajar mempunyai masalah penempatan di industri setelah pelbagai usaha dilaksanakan, mereka akan diberi pilihan untuk menjalani LI di dalam kampus mengikut SOP yang telah ditetapkan. Usaha seumpama ini dilaksanakan di peringkat pelajar politeknik dan kolej komuniti di mana seramai 26,193 pelajar semester akhir sesi Disember 2020 telah menjalani LI tanpa perlu melanjutkan tempoh pengajian mereka.

Selain itu, dalam mendepani perkara ini juga, pihak kementerian melalui Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah mengeluarkan Panduan Pengendalian Program Pendidikan Tinggi Semasa Perintah Kawalan Pergerakan, iaitu *Advisory Note* MQA 2/2021 yang telah memberikan fleksibiliti dan alternatif kepada IPT bagi aktiviti PdP yang melibatkan teori, praktikal dan kerja lapangan, termasuklah LI. Antara kaedah alternatif tersebut adalah:

1. LI boleh dilaksanakan secara maya atau *virtual industrial training* berdasarkan aktiviti yang bersesuaian seperti *virtual simulation*, *virtual lab*, *augmented reality*, *virtual reality* dan sebagainya; atau
2. LI boleh digantikan dengan kajian kes yang berasaskan kepada permasalahan atau isu di industri atau projek komuniti berasaskan bidang program pengajian dengan kerjasama industri.

Kementerian bersama pihak IPT sentiasa mengambil berat dan bersedia untuk membantu graduan yang terkesan termasuklah menawarkan bimbingan dan kelas tambahan kepada mereka. Usaha ini dilaksanakan bagi memastikan kelangsungan pembelajaran dan membolehkan mereka bergraduat mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.